

AL-KAFI #1439 : HUKUM MEMBACA AYAT AL-QURAN BERULANGKALI DI DALAM SOLAT

Soalan :

Assalamu'alaikum S.S Mufti, bolehkah jelaskan tentang hukum seseorang itu membaca ayat Al-Quran secara berulang kali di dalam solat ?

Jawapan :

Wa'alaikumussalam w.b.t.

Alhamdulillah segala puji dan syukur kami panjatkan kepada Allah S.W.T. Selawat dan salam kami ucapkan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, para isteri dan keluarga baginda, para sahabat, seterusnya golongan yang mengikuti jejak langkah baginda sehingga hari kiamat.

Dalam membaca Al-Quran al-Karim, kita dituntut untuk melakukan tadabbur terhadap ayat-ayat yang terdapat di dalamnya. Begitu banyak nas yang menggalakkan perbuatan tadabbur al-Quran antaranya seperti yang dinyatakan dalam firman Allah S.W.T :

???????? ?????????????? ?????????? ?????????????? ?????????????????????
??????????

Maksudnya : *(Ini adalah) Kitab yang Kami turunkan ia kepada mu (wahai Muhammad) yang penuh dengan keberkatan, supaya mereka mentadabbur ayat-ayatnya.*

Surah Shad (29)

Antara cara yang disebutkan oleh para ulama untuk menambahkan tadabbur ke atas ayat-ayat yang dibaca adalah dengan cara membacanya secara berulang kali. Hal ini berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Zar Al-Ghifari beliau berkata :

????? ?????????????? ? ??? ????? ????? ????? ? ?????????? ?????????
???????????? ??????????????????

Maksudnya : *Rasulullah S.A.W pernah berdiri di dalam solat dengan membaca satu ayat yang baginda mengulang-ulangnya sehingga pagi. Dan ayat tersebut adalah :*

????? ?????????????????????? ?????????????????? ?????????????? ?????????? ??????????????
????????? ?????????????????? ?????????? ?????????????????? ??????????????????

Maksudnya : *Sekiranya Kau (wahai Allah) mengazab mereka maka sesungguhnya mereka itu adalah hamba-hamba-Mu dan sekiranya Kau mengampuni mereka maka sesungguhnya Kau adalah Tuhan yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.*

Riwayat Ibn Majah (1350)

Imam Al-Nawawi *Rahimahullah* menjadikan hadis di atas ini sebagai sandaran dalam mengeluarkan pendapat beliau bahawa adalah disunatkan untuk seseorang itu mengulangi bacaan ayat-ayat Al-Quran dengan tujuan untuk tadabbur. Ini seperti yang disebutkan oleh beliau dalam kitab *Al-Tibyan fi Adab Hamalat Al-Quran* (Hlm. 86).

Demikian juga Imam Al-Nawawi menukulkan beberapa riwayat yang menunjukkan bahawa mengulang-ulang bacaan ayat di dalam solat ini juga turut diamalkan oleh para salafussoleh di dalam solat mereka. Antaranya adalah sahabat Nabi S.A.W yang bernama Tamim Al-Dari R.A yang mengulang-ulang bacaan ayat ke- 21 dari Surah Al-Jaatsiyah di dalam solat beliau. Begitu juga Asma' bint Abu Bakar Al-Siddiq yang mengulang-ulang ayat ke- 27 dari Surah Al-Thur di dalam solat. Demikian Ibn Mas'ud R.A mengulangi bacaan ayat ke- 114 dari Surah Taha dan ramai lagi dari kalangan salaf yang melakukannya. Rujuk ***Al-Tibyan fi Adab Hamalat Al-Quran, Al-Nawawi (Hlm. 87- 88).***

Penutup

Sebagai kesimpulan kami menyatakan bahawa hukum membaca ayat al-Quran secara berulang kali di dalam solat adalah dibolehkan. Bahkan ia disunatkan sekiranya dilakukan dengan tujuan untuk lebih menghayati dan memaknai bacaan ayat tersebut di dalam solat. Kami juga menyebut bahawa perbuatan ini boleh dilakukan sama ada di dalam solat-solat fardhu dan juga solat-solat sunat.

Akhir kalam, semoga Allah S.W.T memberikan kefahaman yang tepat kepada kita semua dalam beragama. Ameen.

Source: Al-KAFILI AL-FATAWI